



KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA DIPILIH SEMULA UNTUK MENERAJUI LEMBAGA PENGARAH SMIIC

KUALA LUMPUR, NOVEMBER 18 - Malaysia telah berjaya memenangi kerusi dalam pemilihan semula ahli Lembaga Pengarah (*Board of Directors*) *The Standards and Metrology Institute for Islamic Countries* (SMIIC)* bagi penggal 2025-2027 di Perhimpunan Agung Ke-19 SMIIC yang telah diadakan pada 14 November 2024 di Istanbul, Turkiye.

Keputusan undian yang diumumkan menyaksikan sebanyak 13 negara anggota SMIIC telah berjaya di dalam sesi pengundian bagi pemilihan ahli Lembaga Pengarah kali ini iaitu **Malaysia, Arab Saudi, Cameroon, Indonesia, Iran, Iraq, Jordan, Mesir, Morocco, Palestine, Tunisia, Turkiye** dan **Emiriah Arab Bersatu (UAE)**.

Sebagai struktur tadbir urus tertinggi di peringkat SMIIC, kepercayaan yang diberikan oleh ahli SMIIC dengan pelantikan semula Malaysia sebagai ahli Lembaga Pengarah SMIIC bagi tempoh tiga (3) tahun akan datang wajar dimanfaatkan sepenuhnya dimana Malaysia berpeluang menggubal dasar, hala tuju, perancangan program dan agenda standard dan pematuhan terutamanya sektor halal di kalangan negara- negara Islam OIC.

Malaysia diwakili oleh **Jabatan Standard Malaysia (JSM)** dan **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)** dalam **Mesyuarat Agung Tahunan SMIIC ke-19** yang berlangsung di Istanbul, Turkiye. Kemenangan ini membuktikan keyakinan negara-negara anggota terhadap keupayaan Malaysia dalam pembangunan infrastruktur kualiti yang mampan, termasuk memperkukuh bidang standardisasi dan akreditasi bagi industri halal.

Selain ahli Lembaga Pengarah, Malaysia turut memenangi kerusi bagi *Standardisation Management Council* (SMC) dan *Management of Accreditation Council* (MAC), iaitu jawatankuasa-jawatankuasa yang memantau pembangunan standard dan aktiviti akreditasi di peringkat OIC.

Keanggotaan Malaysia dalam SMIIC telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah SMIIC sewaktu Perhimpunan Agung SMIIC ke-7 pada 20 November 2014. Perwakilan Malaysia di dalam SMIIC diwakili oleh Jabatan Standard Malaysia. Sejak itu, Malaysia telah menyumbang secara aktif kepada pembangunan dan pengharmonian standard antarabangsa melalui kepimpinan dan penglibatan dalam SMIIC.

* Maklumat lanjut mengenai SMIIC: <https://www.smiic.org/>

-----TAMAT-----

Mengenai JSM

Tertakluk di bawah Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549), Jabatan Standard Malaysia (JSM) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996. JSM adalah Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang bertanggungjawab untuk membangun dan mempromosi Standards Malaysia (MS); serta menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada badan penilaian pematuhan seperti makmal pengujian, badan pensijilan dan badan pemeriksaan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.jsm.gov.my, Facebook: STANDARDS MALAYSIA, Twitter: STANDARDS_MY dan Instagram: standards_my

Unit Komunikasi Strategik

Jabatan Standard Malaysia

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)

Telefon: 03-8008 2891 Faks: 03-8008 2901

E-mel: soon@jsm.gov.my